

RIDSIL OINTMENT

Terbinafine Hydrochloride (1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ridsil Ointment
2. Bagaimana Ridsil Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ridsil Ointment
4. Cara menggunakan Ridsil Ointment
5. Semasa menggunakan Ridsil Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ridsil Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Ridsil Ointment

Ia digunakan untuk rawatan jangkitan kulat pada kuku dan kulit, termasuk pada pangkal paha.

Bagaimana Ridsil Ointment berfungsi

Ridsil Ointment mengandungi bahan aktif terbinafine hydrochloride, iaitu sejenis ubat antikulat. Terbinafine berfungsi dengan membunuh kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Ridsil Ointment

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Ridsil Ointment jika:

- anda mempunyai alahan terhadap terbinafine hydrochloride atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut)

- Sebelum menggunakan Ridsil Ointment

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat.

Terbinafine hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada janin.

Terbinafine dirembeskan ke dalam susu ibu, oleh itu penggunaannya dalam ibu menyusu tidak digalakkan, melainkan manfaatnya lebih daripada risiko.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang sedang digunakan termasuk ubat yang

dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang menggunakan sebarang ubat topikal.

Cara menggunakan Ridsil Ointment

Gunakan ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Bersih dan keringkan kawasan yang dijangkiti dengan air suam.

Sapukan lapisan nipis pada kawasan yang dijangkiti. Gosok dengan perlahan-lahan sehingga ubat menyerap. Basuh tangan selepas setiap kali menyapu ubat.

- Bila perlu digunakan

Sapukan ubat ini satu kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sapukan ubat untuk tempoh seperti yang disyorkan oleh doktor.

Tempoh rawatan biasanya antara 1-2 minggu. Walaupun selepas gejala hilang, teruskan rawatan di kawasan tersebut selama 1 hingga 2 minggu lagi untuk mengelakkan jangkitan berulang kembali. Anda boleh mengulangi rawatan jika perlu.

Jika jangkitan anda bertambah teruk atau tidak bertambah baik selepas penggunaan selama 1 minggu, sila berjumpa doktor anda sekali lagi.

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapu dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapu dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda atau orang lain mungkin telah menggunakan ubat ini dengan terlalu banyak. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin

memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Penggunaan salap yang terlalu banyak boleh menyebabkan kesan sampingan meningkat atau bertambah teruk. Sekiranya tertelan, ia boleh menyebabkan gejala gastrousus seperti loya dan muntah.

Semasa menggunakan Ridsil Ointment

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ridsil Ointment.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mulakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Ridsil Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Elakkan terkena pada mata, hidung dan mulut.

Guna dengan berhati-hati jika disapu pada kawasan kulit yang terdapat luka, kerana ubat ini mengandungi alkohol.

Jika anda mengalami sebarang alahan atau tindak balas kulit semasa menggunakan salap ini, hentikan penggunaan dan berjumpa doktor dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ridsil Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kadangkala, gatal-gatal atau kemerahan mungkin berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web

RIDSIL OINTMENT

Terbinafine Hydrochloride (1% w/w)

npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ridsil Ointment

- Penyimpanan

- Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 30°C.
- Lindungi daripada cahaya.
- Pastikan penutup tertutup rapat.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Salap berwarna putih atau putih pudar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Terbinafine Hydrochloride
- Bahan tidak aktif
Cetomacrogol Emulsifying Wax, Hard Paraffin Wax, Cetostearyl Alcohol, White Soft Paraffin, Lamellar Gel System, PEG-40 Hydrogenated Castor Oil, Hydrogenated Polyisobutene, Butylated Hydroxytoluene, Isopropyl Myristate, Propylene Glycol, N-Methylpyrrolidone, Benzyl Alcohol, Menthol.

- Nombor MAL

MAL08021517X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

22/08/2024

Nombor siri

NPRA(R4/1)190824/00108